

06 APR 2004

DUBAI-MAHATHIR

DR MAHATHIR AKAN BERUCAP PADA PERSIDANGAN DI ABU DHABI PADA 4 MEI

DUBAI, 6 April (Bernama)-- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menyampaikan ucapan pada persidangan kewangan di Abu

Dhabi bulan depan.

Antara lain, persidangan pada 4 dan 5 Mei itu akan membincangkan mengenai usaha untuk menarik pelaburan asing dalam sektor-sektor bukan

minyak di enam negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Selain Dr Mahathir, Setiausaha Agung GCC Abdul Rahman Bin Hammad Al

Atiya merupakan antara lebih 20 penceramah pada persidangan itu, demikian

menurut penganjurnya.

Ia dianjurkan oleh Institut Perbankan dan Kajian Kewangan Emiriyah dan

disokong oleh Bank Pusat Emiriyah Arab Bersatu (UAE), acara berkenaan

bertemakan "GCC: Destinasi Pelaburan Antarabangsa Akan Datang."

-- BERNAMA

SKH SHY NHD